

Letak timbunan beg pasir

Kaedah digunakan mampu kurang risiko air melimpah



Zaitun (tengah) bersama semua agensi yang terlibat dalam program yang diadakan, semalam.

■ MUHAMMAD ADZHAR TAJUDDIN

IPOH - Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) meminta pihak berkaitan bersiap sedia dalam menghadapi fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku pada pertengahan Oktober dan November depan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zaitun Ab Samad berkata, antara langkah sementara yang akan dilakukan adalah dengan meletakkan timbunan beg pasir di beberapa kawasan sekitar Selangor dan Kedah.

"Air pasang besar kali ini agak ekstrem mengikut ramalan Jabatan Hidrologi dan Tentera Laut Diraja Malaysia. Lebih teruk, jika berlaku pertembungan dengan musim tengkujuh yang di ramal bermula November.

"Dari sudut pencegahan, kita kenal pasti lokasi sekitar Kedah dan Selangor untuk diletakkan beg-beg pasir. Kaedah ini sedikit sebanyak mengurangkan risiko air melimpah sekali gus menyebabkan banjir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Majlis Perasmian Penutup Forum Kesiapsiagaan Agensi Menghadapi Bencana dan Pelancaran Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2016 Peringkat

**FENOMENA AIR
PASANG BESAR**

Negeri Perak, semalam.

Menurutnya, kaedah sama tidak akan digunakan di Perak kerana tiada lokasi yang dilihat berisiko besar mengalami fenomena berkenaan.

"Kita sedia maklum beberapa lokasi di Perak terutama di Bagan Datoh, Pantai Remis dan Kerian sering berlaku banjir. Namun, penggunaan beg pasir ini tak perlu sebab risikonya kecil. Tak seperti di Kedah dan Selangor," katanya.

Mengulas berkaitan program, Zaitun berkata, ia merupakan platform terbaik untuk setiap agensi keselamatan dan pihak terlibat mendapatkan maklumat bagi menghadapi sesuatu bencana.

Katanya, ia juga memudahkan semua pihak membuat persediaan rapi bagi mengurangkan risiko berlaku kejadian tidak diingini.

"Segala persiapan perlu bermula dari peringkat akar umbi. Di peringkat bawahan, perlu diberi kesedaran dan pendidikan bagi membentuk tatacara menghadapi bencana.

"Manakala agensi keselamatan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pula perlu buat persediaan rapi bagi memberi perkhidmatan terbaik semasa berlakunya bencana," katanya.